

10 JAN 2003

DR MAHATHIR RAI PERSATUAN BEKAS PELAJAR KOLEJ SULTAN ABD HAMID

PUTRAJAYA, 10 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini meraikan kira-kira 500 orang anggota Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid di kediamannya di Seri Perdana, di sini, hari ini.

Acara tahunan itu, merupakan kali ketiga diadakan di kediaman barunya di Putrajaya.

Dr Mahathir yang juga presiden persatuan itu dalam ucapan ringkasnya dalam majlis hampir dua jam itu berkata beliau amat gembira kerana dapat bertemu dan berkumpul semula dengan rakan sekolahnya.

Beliau, yang banyak bergurau dan berseloroh dalam ucapannya berkata, ini merupakan kali terakhir majlis itu diadakan di Seri Perdana memandangkan beliau akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri pada Oktober ini.

Terdahulu pada majlis itu, Dr Mahathir turut memotong kek ulangtahunnya yang ke 77 yang dihadiahkan oleh persatuan itu, dengan iringan nyanyian lagu "Selamat Hari Jadi" dan "He is a jolly good fellow."

-- BERNAMA

FA HK PR